

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa perancangan khas Kerajaan Persekutuan untuk menaikkan taraf kehidupan kaum Dayak Sarawak dalam masa terdekat.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) merupakan satu dasar utama Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan aktiviti ekonomi di sepanjang rantai bekalan serta ekosistem perniagaan. WKB2030 ini antara lain bertujuan untuk merapatkan jurang kemiskinan di samping memberi perhatian kepada peningkatan ekonomi bumiputera secara keseluruhannya tanpa menyingkirkan hak-hak kumpulan masyarakat yang lain.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Jabatan Perdana Menteri, telah melaksanakan

program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) di Sarawak dengan kerjasama Agensi Kerajaan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam, dengan melibatkan MINTRED Sarawak, Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perikanan Negeri, Lembaga Lada Malaysia, serta Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak dan Universiti Sains Malaysia (USM).

3. Program DPUB merupakan sebahagian daripada inisiatif Kerajaan yang diberi mandat kepada TERAJU di bawah **Rancangan Malaysia Ke Sebelas** (RMK-11) dan *Rolling Plan* Ketiga (“RP3”). Tambahan pula, program ini memberi penekanan dan fokus untuk membangunkan kapasiti dan kemampuan komuniti B40 yang beradadi luar bandar bagi melahirkan usahawan dan produk-produk Bumiputera termasuk kaum Dayak di seluruh Sarawak.

4. Program ini memberi tumpuan kepada penerapan elemen keusahawanan dalam komuniti dengan berasaskan inovasi, teknologi dan pembaharuan yang mana melibatkan Pemindahan Ilmu & Teknologi, Infrastruktur Asas & Modal Insan, Marketing Mis – 5P dan Rangkaian Pemasaran.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Sehingga kini, sebanyak **RM 7juta** peruntukan yang telah diterima oleh TERAJU untuk keseluruhan program DPUB. Berikut adalah program-program DPUB yang melibatkan Kaum Dayak di Sarawak iaitu:

i. **Projek Pembangunan Lada (*Pepper Scale Up*):**

Sebanyak RM850,000 peruntukkan telah diluluskan. Projek ini melibatkan 4 buah kampung di Sarawak, iaitu Kampung Stass Bau, Kampung Garung Padawan, Kampung Karu Padawan dan Rumah Panjang Melabu Bair, Betong. Daripada program pembangunan ini ianya telah memberi manfaat kepada lebih 80 pekebun kecil Lada di 4 kawasan tersebut. Projek ini telah bermula pada 14 November 2019 dan dijangka tamat pada 13 November 2024 (iaitu 2 tahun pelaksanaan projek dan 3 tahun pemantauan projek).

ii. Projek Eko-Pelancongan dan Ikan Eksotik:

Projek ini melibatkan komuniti di sekitar Empangan Murum, Sarawak dengan penglibatan lebih kurang 15 orang peserta bagi penternakan ikan empurau dalam sangkar. Restoran dan rumah terapung juga dibangunkan melalui program ini bagi melengkapkan ekosistem pelancongan di kawasan tersebut. Projek yang bernilai sebanyak RM420,280 telah dimulakan pada 8 Julai 2020 dan dijangka tamat pada 7 Julai 2025 (iaitu 2 tahun pelaksanaan projek dan 3 tahun pemantauan projek).

iii. Projek Minyak Pati dari Pokok *Litsea Cubeba*:

Projek ini akan bermula mulai 2021 dan menelan belanja sebanyak RM 2.5juta. Projek ini akan melibatkan 4 buah kampung suku kaum Dayak di Sarawak iaitu Kampung Kidding, Padawan, Rumah Jambu Kerampak Bukit Sadok Betong, Long Telingan and Ba'kelalan dengan penglibatan lebih daripada 75 penduduk kampung. Projek ini mengguna dan memanfaatkan pokok tempatan, *Litsea Cubeba* yang banyak terdapat di Sarawak.

Sekian, terima kasih.